

29 JUL 2002

Najib-PAS

TERPULANG SAMA ADA HENDAK AMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata terpulang kepada pihak berkuasa sama ada hendak mengambil tindakan undang-undang terhadap seorang pemimpin PAS yang menuduh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucah bersama cucunya.

"Memang boleh (diambil tindakan undang-undang) tetapi terpulang kepada pihak berkuasa untuk menentukan sama ada tindakan undang-undang boleh dilaksanakan dan apa kesan sesuatu tindakan di mahkamah," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata apa yang lebih penting adalah bagi rakyat menolak dan tidak terpengaruh dengan corak politik tidak beretika yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin PAS.

Katanya, adalah sukar untuk menyekat perbuatan pemimpin-pemimpin PAS itu selagi rakyat dengan mudah terpengaruh dengan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas oleh parti pembangkang itu.

Najib berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan pingat "Dag Hammarskjold" oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kepada 17 anggota tentera Malaysia yang terkorban ketika berkhidmat dengan badan dunia itu.

Pemimpin PAS, Bunyamin Yaacob di dalam satu klip video yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) telah menuduh bahawa Dr Mahathir menonton video lucah bersama cucunya.

Menurut Najib yang juga Menteri Pertahanan, PAS kini menggunakan pendekatan menyerang peribadi pemimpin-pemimpin Umno dengan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas setelah menyedari mereka kehabisan modal politik.

"Mereka (PAS) tidak ada lagi modal politik dan ini (serangan peribadi) menjadi pendekatan yang mereka lakukan," katanya.

Beliau berkata parti pembangkang itu sepatutnya menerangkan kepada rakyat mengenai dasar alternatif yang mereka dakwa lebih bijak serta baik daripada dasar-dasar yang kini dilaksanakan oleh kerajaan.

"Apa yang mereka (PAS) patut lakukan adalah mempamerkan dan menonjolkan apa mereka ingin lakukan sebagai pembangkang. Apa dasar alternatif mereka yang mereka kata lebih baik dari dasar kerajaan," kata beliau.

-- BERNAMA

MHI ZS RHM